



PERSATUAN BANK-BANK DALAM MALAYSIA
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Potensi jadi mangsa jenayah siber
Publication/Portal: Sinar Harian
Date: 11 October 2018

Language: Malay
Section: Cetusan
Page: 48

Potensi jadi mangsa jenayah siber



Telefon pagi minggu itu memang menyentap perasaan. Kalau ada darah tinggi, saya mungkin tersentak hingga terkancing gigi, malah boleh menjadi arwah serta-merta.

Itu panggilan dari bank, memberitahu saya telah tertunggak bayaran selama lima bulan. "Kalau tuan tidak bayar semuanya dalam masa tujuh hari, kami akan bawa tuan ke mahkamah!"

Memang terkejut badak. Tetapi, fikir punya fikir tidak ada apa yang perlu ditakutkan. Tidak perlu panik pun. Sebab, saya tidak pernah berhutang dengan mana-mana bank.

Pemanggil – seorang wanita – terus mendesak dengan meminta saya mengesahkan beberapa butiran peribadi seperti nombor Kad Pengenalan, alamat rumah, alamat pejabat, nama ibu. Mana dia dapat semua itu?

Tetapi saya tidak bimbang, sebab yakin ini mesti scam. "Bank mana yang saya tertunggak bayar

tu?" saya menyoal. Dia memberitahu nama bank berkenaan. Sahlah ini scam, sebab saya tidak pernah berurusan dengan bank berkenaan.

"Habis macam mana saya hendak jelaskan semua hutang dalam masa seminggu, saya tidak ada duit sebanyak itu?" saya berpura-pura panik.

"Tidak mengapa, kita boleh tolong tuan uruskan skim pembayaran..."

"Macam mana?"

"Tuan kena hubungi nombor ini (dia memberi nombor telefon), cakap sendiri dengan pengurus bahagian pinjaman bank berkenaan. Jangan bimbang kita boleh tolong..."

Saya pun melepaskan geram: "Tolong kepala hotak kau! Kau ingat aku bodoh macam engkau!" Saya meletakkan telefon, puas hati. Harap-harap giliran dia pula terkejut badak.

Seorang rakan sejemaaah pernah menerima panggilan seperti ini. Kerana ketakutan dia mengikut sahaja arahan yang diberi oleh pemanggil, dan akhirnya terpaksa membayar hampir RM3,000. Duit itu hangus begitu sahaja!

Panggilan palsu – dan ugutan – seperti ini mungkin anda terima

sehari dua ini. Hati-hati, ini satu taktik pembuli @ penyangak siber memperdaya mangsa.

Dia menggertak dengan menyebut butiran mengenai peribadi kita, semua tepat – nombor Kad Pengenalan, nombor akaun, sijil beranak, macam-macam.

Tetapi, jangan gubra. Sebab semakin anda gubra semakin seronok dan sadis dia menggecekek kita. Hakikatnya ialah sekiranya kita memang tidak ada hutang dengan mana-mana institusi, jangan pedulikan panggilan seperti itu.

Dia mungkin menyebut nombor KP, nombor akaun, polisi insurans, sijil beranak hatta sijil nikah dan lain-lain dokumen peribadi kita, tetapi kita tidak perlu bimbang sekiranya kita tidak melakukan apa-apa kesalahan.

Petua sekiranya anda disergah oleh penyangak siber: Apa pun tuduhan dan gertak, anda kena bertenang, dan berfikir. Sekiranya anda tidak bersalah, dan memang tidak berhutang dengan bank, ada dua pilihan:

Pertama, letakkan telefon, dan berafash seperti biasa.

Kedua, lepaskan geram dengan marah, sumpah-seranah dan maki

hamun 'kaw-kaw' kepada pemanggil. Tetapi percayalah si penyangak hanya buat 'dhek'.

Seyogianya diingat, selain mengugut dan menggertak ada juga penyangak siber yang bijak memujuk dan menggoda mangsa menerusi telefon atau tampalan di media sosial.

Sebab itu jangan terlalu gembira dan melenting hingga ke syiling sekiranya anda menerima panggilan telefon atau tampalan di media sosial memberitahu "anda bertuah kerana nombor HP anda telah memenangi cabutan bertuah bernilai RM50,000!"

Atau, e-mail anda menerima pesanan daripada seorang pewaris kesultanan Sulu yang berhasrat menyerahkan harta bernilai RM2 juta.

Atau, anda menerima kiriman pos dari London daripada seorang jejaka tapan menawarkan harta Pound Sterling 3 juta, sekiranya anda sudi menjadi kekasih sementara untuk tempoh dua bulan.

Baik menerusi telefon, media sosial atau pos, si penyangak akan memberikan butiran dirinya – siap gambar! – dan memujuk anda untuk melakukan itu dan ini, sehingga anda tergoda dan menyerahkan duit kepadanya.

Ramai yang telah terpedaya dengan godaan siber, menerusi apa yang dipanggil Love Scam, dan menurut polis RM berjuta-juta telah lesap begitu sahaja gara-gara cinta di alam maya.

Elakkan dari menjadi mangsa jenayah siber, dengan mengabaikan apa juga kiriman @ posting daripada makhluk bunyian yang tidak pernah anda kenali.

Kalau sudah terkena satu sen pun tidak berguna. Memang anda boleh sahaja membuat laporan polis atau mengadu kepada Suruhanjaya Komunikasi & Multimedia.

Tetapi jangan harap tindakan segera, malah mungkin tidak ada tindakan langsung. Almaklumlah pihak suruhanjaya tidak cukup kakitangan dan kurang kecanggihan teknologi untuk menangani sekian banyak aduan jenayah siber.

Hatta pihak polis pun sibuk menangani isu-isu lain yang lebih mendesak, seperti menangkap dan menyoal siasat sekian banyak suspek pelbagai jenayah dan penyelewengan, termasuk yang melibatkan skandal 1MDB.

Pendek kata seperti memandu kenderaan, keselamatan adalah di tangan anda. Berhati-hati di jalan raya!